

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMBANTU HIDUPAN LIAR

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Hidupan Liar Gred G1, G2, G3, G4.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN).

3. RINGKASAN TUGAS

Melaksanakan aktiviti Konservasi Hidupan Liar, melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686], Akta Taman Negara 1980 [Akta 226], Enakmen Taman Negara Pahang, No. 2 1939, Enakmen Taman Negara Terengganu, No.6 1939, Enakmen Taman Negara Kelantan No.14 1938, menjalankan program latihan, kesedaran awam dan pembangunan modal insan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pembantu Hidupan Liar Gred G1

- a. Menjalankan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta dan Enakmen berkaitan;
- b. Menjalankan risikan, rondaan, penggeledahan dan pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686];
- c. Memproses pengeluaran lessen dan permit berkaitan dengan hidupan liar di kaunter Jabatan;
- d. Menjalankan pengurusan konflik hidupan liar melalui kaedah bersesuaian seperti memberi khidmat nasihat, pemasangan perangkap, tembak halau, tangkap pindah dan tembak mati;
- e. Menjaga kebijakan hidupan liar di Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Jabata; dan
- f. Membantu menjalankan program kesedaran awam, kursus-kursus Jabatan dan Program Transformasi Minda (PTM) .

4.2 Pembantu Hidupan Liar Gred G2.

- a. Membantu menyediakan jadual aktiviti rondaan penguatkuasaan, pelesenan dan pemeriksaan konsaimen;
- b. Menjalankan risikan, rondaan, penggeledahan dan pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686];
- c. Membantu Pegawai Penyiasat dan Pegawai Pendakwa menguruskan barang kes bagi prosiding mahkamah;
- d. Membantu menyediakan laporan pengeluaran lesen dan permit Jabatan;
- e. Membantu menguruskan aduan hidupan liar terhadap manusia dengan mengambil tindakan melalui kaedah bersesuaian seperti memberi khidmat nasihat, pemasangan perangkap, tembak halau, tangkap pindah atau tembak mati;
- f. Membantu menjalankan aktiviti pengurusan hidupan liar di Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Jabatan; dan
- g. Membantu menyediakan kemudahan dan peralatan bagi program kesedaran awam, kursus-kursus Jabatan dan Program Transformasi Minda (PTM) dan bertindak sebagai fasilitator.

4.3 Pembantu Hidupan Liar Gred G3.

- a. Membantu menyelia jadual aktiviti rondaan penguatkuasaan, pelesenan dan pemeriksaan konsaimen;
- b. Menjalankan risikan, rondaan, penggeledahan dan pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716] dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686];
- c. Mendaftar dan menguruskan barang kes yang terlibat dengan sebutan/ perbicaraan di mahkamah;
- d. Membantu Pegawai Penyiasat dan Pegawai Pendakwa melengkapkan kertas siasatan (IP) untuk sebutan atau perbicaraan mahkamah;
- g. Membantu menguruskan aduan hidupan liar terhadap manusia dengan mengambil tindakan melalui kaedah bersesuaian seperti memberi khidmat nasihat, pemasangan perangkap, tembak halau, tangkap pindah atau tembak mati;

- e. Membantu menyediakan data mengenai status gangguan hidupan liar; dan
- f. Sebagai fasilitator bagi program kesedaran awam, kursus-kursus Jabatan dan Program Transformasi Minda (PTM).

4.4 Pembantu Hidupan Liar Gred G4.

- a. Membantu menyelia, menjalankan latihan dan penjinakan gajah di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) bagi mengurus gajah liar yang diselamatkan;
- b. Membantu menjalankan program kesihatan gajah;
- c. Membantu menyelia pelaksanaan Program Latihan Akademik, Kemahiran, Kursus Kompetensi dan kursus agensi luar di IBD;
- d. Membantu menyelia program pameran untuk agensi kerajaan/swasta/agensi luar/IPT/NGO/sekolah;
- e. Membantu menyelia pelaksanaan Program Pendidikan Biodiversiti (PPBD) kepada pelajar IPT/Sekolah dan orang awam;
- f. Membantu menyelia program lawatan harian/ceramah/program bersama masyarakat setempat; dan
- g. Membantu menguruskan koleksi spesimen zoologi, bengkel taksidermi dan bilik interpretif.

5. HUBUNGAN KERJA

5.1 Pelanggan Dalaman

- a. Pihak pengurusan atasan di peringkat ibu pejabat, pejabat-pejabat PERHILITAN Negeri dan Pusat-Pusat Tanggungjawab; dan
- b. Pegawai dan kakitangan dalam Jabatan PERHILITAN semua peringkat.

5.2 Pelanggan Luaran

- a. Orang awam;
- b. Peniaga, pengeksport, pengimport dan pemilik lesen hidupan liar;
- c. Pemilik ladang pertanian;
- d. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan;
- e. Agensi Antarabangsa;

- f. IPTA/IPTS; dan
- g. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya, Kepujian Bahasa Melayu diutamakan;
- b. Mempunyai keberanian untuk mengendalikan hidupan liar;
- c. Mempunyai kekuatan mental dan fizikal bermalam di dalam hutan;
- d. Berupaya melakukan operasi-operasi penguatkuasaan;
- e. Mempunyai minat dan pengetahuan terhadap hidupan liar;
- f. Boleh menulis dan membaca; dan
- g. Berkebolehan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Malaysia.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berintegriti;
- b. Bertanggungjawab, amanah, jujur, berdisiplin dan kerjasama;
- c. Menjaga kerahsiaan dan profesionalisme;
- d. Bersifat positif dan sentiasa berusaha; dan
- e. Ketahanan fizikal dan mental untuk tugas di lapangan;

9. ANCAMAN/BAHAYA

- a. Terdedah kepada ancaman/serangan hidupan liar;
- b. Terdedah kepada ancaman pesalah-pesalah yang ditangkap/didenda/hukum di bawah Akta berkuat kuasa;
- c. Terdedah kepada terkena peluru sesat oleh pemburu haram dan penceroboh dalam kawasan hutan;

- d. Tersesat di dalam hutan semasa kerja-kerja Inventori, ancaman pokok tumbang, kecederaan kerja di lapangan, lemas dan serangan penyakit berjangkit dari hidupan liar;
- e. Terdedah kepada bahan kimia dan ‘drug’;
- f. Kemalangan semasa penggunaan senjata api;
- g. Boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak tertentu;
- h. Risiko terdedah kepada penyelewengan dan rasuah; dan
- i. Tekanan kerja.